

Beriman kepada Allah

antara bukti kebaktian umat Islam

OLEH DR. ZULKIFLI MOHAMAD
AL-BAKRI

TAFSIR AL-QURAN & ASBABUN NUZUL

SYEIKH Sya'rawi berkata: Ketika datang perintah daripada Allah menukar arah kiblat ke Kaabah selepas orang Islam mengadap ke Baitulmaqdis, ini menyebabkan perasaan tidak senang dan jadilah setiap pengikut agama mempunyai kiblat masing-masing yang mana orang Islam berkiblat ke Kaabah, orang Yahudi ke Baitulmaqdis dan orang Nasrani ke timur.

Ini menunjukkan bahawa khilaf bukan masalah dalam mengadap kiblat ketika solat, sebelum ini pun setiap yang solat mempunyai arah kiblat masing-masing. Justeru ia bukan masalah besar dengan sebab itulah Allah menyebut dalam ayat ini.

Kebaktian itu bukan hanya menghalakan mukamu ke arah Timur dan Barat, tetapi kebaktian itu ialah mereka beriman kepada Allah, hari Akhirat, para malaikat, kitab-kitab suci, para nabi, dan memberi harta yang disayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, fakir miskin, orang yang terlantar di dalam perjalanan, orang yang meminta bantuan, membebaskan hamba abdi, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan janji apabila mereka berjanji dan orang-orang yang sabar menghadapi kesempitan dan penderitaan dan sabar dalam masa peperangan. Merekalah orang-orang yang benar-benar berbakti dan merekalah orang-orang yang benar-benar bertaqwa. (al-Baqarah: 177)

Firman Allah: *Kebaktian itu bukan hanya menghalakan mukamu ke arah Timur dan Barat.* Ibn al-Jauzi berkata, ayat ini ditujukan kepada orang Islam dan pendapat yang kedua kepada ahli kitab. Kebaktian atau kebajikan merupakan nama yang terhimpun dalam semua jenis kebaikan dan ketaatan yang mendekatkan kepada Allah, ayat ini diturunkan kepada ahli kitab, seperti kata al-Alusi.

Seterusnya maksud kebaktian di situ dikatakan dengan maksud iman atau taqwa atau amalan yang mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Mengikut pendapat Qatadah, seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah tentang kebaikan lantas Allah menurunkan ayat ini. Lalu lantas baginda bersabda: *Adalah seorang lelaki sebelum difardukan kewajipan apabila mengucapkan dua kalimah syahadah dan kemudian meninggal dunia maka wajib baginya syurga.*

Lantas Allah turunkan ayat ini: *Tetapi kebaktian itu ialah mereka beriman kepada Allah, hari Akhirat, para malaikat, kitab-kitab suci, para nabi.*

Al-Maghari berkata, kebaktian itu ialah beriman dan segala yang mengikutnya daripada amalan dengan ikhtibar sebagai para perlaku yang baik.

Berdasarkan ayat ini antara kebaikan itu ialah masalah iman, ia terbahagi ke-

pada lima mengikut ayat ini tanpa menyebut beriman kepada qada dan qadar.

i. Beriman dengan Allah merupakan asas kebajikan tetapi boleh dilaksanakan kecuali mampu mengekang hawa nafsu disertai dengan tunduk dan patuh serta toma'ninah pada hati.

ii. Beriman dengan hari akhirat dengan maksud diketahui bahawa adanya kehidupan yang lain pada alam ghaib dan bukan pada alam sekarang ini. Justeru ia tidak akan cuai usahanya dan amalnya sebaliknya menjadikan matlamatnya untuk akhirat mengatasi kelazatan dunia dan syahwat.

iii. Beriman dengan malaikat yang merupakan salah satu rukun iman dan siapa yang mengingkarinya ia dianggap tidak beriman.

iv. Beriman dengan kitab-kitab samawi yang dibawa oleh para nabi menuntut pelaksanaan dan mengambil petunjuk dengan hidayah mereka, berakhlak dengan akhlak mereka dan beradab dengan adab mereka.

Firman Allah: *Dan memberi harta yang di sayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, fakir miskin, orang yang terlantar di dalam perjalanan, orang yang meminta bantuan, membebaskan hamba abdi. Memberi sebahagian harta kepada golongan yang memerlukan sebagai lambang dan tanda rahmat kepada mereka yang patut diberi bantuan ialah:*

i. Kaum kerabat yang berhajat, inilah yang patut diutamakan berdasarkan kepada hadis sahih sabda Rasulullah, *Sedekah kamu pada orang Islam sebagai sedekah dan kepada ahli keluargamu dua pahala.*

ii. Anak-anak yatim yang kematian bapa, apatah lagi hidup dalam kemiskinan dan amat memerlukan bantuan orang-orang kaya di kalangan orang Islam.

iii. Golongan miskin yang pendapatan mereka kurang daripada keperluan da-

ripada sepatutnya, justeru pertolongan boleh membawa kepada kebaikan kepada masyarakat.

iv. *Ibn Sabil* iaitu orang yang musafir dan keputusan bekalan yang memerlukan bantuan untuk sampai kepada kampung halamannya.

v. Peminta sedekah yang terpaksa memohon bantuan masyarakat kerana kefakiran dan keperluan yang amat sangat.

vi. Membebaskan hamba abdi dan pertolongan kepada tawanan untuk menebus diri serta menolong orang yang berhutang yang belum selesai untuk pembebasan.

Firman Allah: *Mendirikan solat.* Mendirikan solat itu dengan cara mengikut sunah Rasulullah serta memahami segala maksud sir solat yang menatijahkan solat berfungsi untuk mencegah mungkar dan kekejian.

Firman Allah: *Mengeluarkan zakat.* Mengeluarkan zakat yang wajib di mana biasanya zakat disekekalkan dengan solat kerana sifat solat menyucikan roh dan harta rakan karib kepada roh, justeru membelanjanya merupakan rukun yang besar daripada amalan kebajikan. Hal ini jelas apabila para sahabat berijmak memerangi golongan yang enggan membayar zakat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.

Firman Allah: *Menunaikan janji apabila mereka berjanji.* Menunaikan janji apabila mereka membuat perjanjian sama ada manusia sesama mereka apatah lagi orang yang beriman dengan, tuhaninya untuk melakukan ketaatan dan menjauhi maksiat.

Syeikh Al-Maghari berkata, tiadalah mana-mana bangsa mengabaikan perjanjian yang menjadi rukun amanah dan tiang kebenaran kecuali akan ditimpa dengannya hukum ilahi.

Firman Allah: *Dan orang-orang yang sabar menghadapi kesempitan dan penderitaan dan sabar dalam masa peperangan.* Disebut tiga tempat atau keadaan dalam ayat ini iaitu pertama sabar ketika kefakiran dan kesusahan kedua sabar ketika kesakitan dan kehilangan harta benda dan anak pihak. Ketika sabar di medan peperangan, ini kerana tempat-tempat ini kesabaran amat di-

puji dan diperlukan justeru dengan mengikut segala arahan seperti yang disarankan Allah membawa kepada keunggulan umat ini.

Firman Allah: *Merekalah orang-orang yang benar-benar berbakti dan merekalah orang-orang yang benar-benar bertakwa.*

Al-Syahid Sayid Qutub berkata: Yang kuat dan nyata ialah di sana ada hubungan di antara penerangan ini dengan perintah kiblat dan pertikaian yang timbul di sekitarnya. Sebelum ini telah pun dibicarakan tentang hikmat perubahan kiblat.

Kini tibalah rangkaian ayat ini menerangkan tentang hakikat agung di sekitar persoalan yang menjadi bahan pertikaian yang ditimbulkan oleh kaum Yahudi di sekitar bentuk syiar-syiar dan ibadat-ibadat.

Mereka seringkali menimbulkan pertikaian di sekitar perkara-perkara ini. Tujuan perubahan kiblat dan syiar-syiar ibadat pada umumnya bukanlah supaya manusia menghadapkan muka mereka ke hala Timur dan Barat atau hala Baitulmaqdis atau Masjid al-Haram.

Sementara itu, matlamat amalan-amalan kebaktian atau seluruh amalan yang baik bukanlah syiar-syiar yang lahir. Ini kerana syiar-syiar yang lahir itu sendiri sunyi daripada perasaan-perasaan yang menyertai di dalam hati dan sunyi daripada perilaku di dalam kehidupan ia tidak melahirkan kebaktian dan tidak mewujudkan kebaikan.

Malah kebaktian itu ialah pandangan, kefahaman, perasaan, tindakan-tindakan atau perilaku, iaitu kefahaman yang melahirkan kesannya di dalam hati nurani individu dan masyarakat dan tindakan dan amalan yang melahirkan kesan di dalam kehidupan individu dan masyarakat.

Hakikat yang mendalam ini tidak boleh digantikan dengan semata-mata menghalakan muka ke arah Timur dan Barat sama ada mengadap ke arah kiblat ini atau kiblat itu, atau memberi salam ke kanan dan ke kiri di dalam solat atau di dalam seluruh harakat yang dilakukan manusia dalam melaksanakan syiar-syiar ibadat.

Ikhtibar dan pengajaran ayat:

- Keimanan merupakan asas dalam kehidupan manusia dengan melaksanakan segala tuntutan dan kehendak-Nya
- Syeikh al-Maghari *menaqalkan* pendapat sebahagian ulama berkata, siapa yang beramal dengan ayat ini maka sempumalah imannya dan tercapailah setinggi martabat keyakinannya.
- Sifat suka membantu merupakan lambang kebaikan apatah lagi terhadap golongan yang berhajat dan memerlukan bantuan.



MEMBUDAYAKAN al-Quran mampu melahirkan masyarakat yang bertakwa dan berbakti kepada agama, negara dan bangsa. - Gambar hiasan

DR. ZULKIFLI MOHAMAD
AL-BAKRI ialah pensyarah Fakulti
Syariah dan Undang-undang, Kolej
Universiti Islam Malaysia
(KUIM).